



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 70  
Bil. 24

**23hb November 2017**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(Act 172)

**No. 3260.**

PELANTIKAN PENGERUSI DAN TIMBALAN PENGERUSI  
LEMBAGA RAYUAN

APPOINTMENT OF CHAIRMAN AND DEPUTY  
CHAIRMAN OF APPEAL BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 36(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Pihak Berkuasa Negeri Perak, dengan persetujuan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan ini, melantik Dato' Haji Badrul Hishah bin Abd Wahap sebagai Pengerusi dan Encik Ahmad Yani bin Aminuddin sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan bagi Negeri Perak bagi tempoh 3 tahun berkuatkuasa dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

Bertarikh 24 Oktober 2017  
[JPBD.Pk. 8/AKTA/1002 Jld. 4;  
PU.Pk. 44/80(vi)]

SHahrul Azam Bin Shaari  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by paragraph 36(2)(a) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], the State Authority of Perak, with the consurrence of the Minister of Housing and Local Government, hereby appoints Dato' Haji Badrul Hishah bin Abd Wahap as the Chairman and Encik Ahmad Yani bin Aminuddin as the Deputy Chairman of the Perak Appeal Board for a period of 3 years with effect from the date of the notification is published in the *Gazette*.

Dated 22 May 2017

[JPBD.Pk. 8/AKTA/1002 Jld. 4;  
PU.Pk. 44/80(vi)]

SHahrul Azam Bin Shaari  
*Secretary*

*State Executive Council  
Perak Darul Ridzuan*

## No. 3261.

### PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA RAYUAN APPOINTMENT OF MEMBERS OF APPEAL BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 36(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Pihak Berkuasa Negeri Perak, telah melantik orang yang dinamakan dalam Jadual sebagai ahli-ahli Lembaga Rayuan bagi Negeri Perak bagi tempoh 3 tahun berkuatkuasa dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

#### JADUAL

Encik Danial Rahman bin Yang Razali

Profesor Madya Mohamed Noor bin Mohid

Encik Tun Mohamad Ammar bin Aziz

Bertarikh 24 Oktober 2017

[JPBD.Pk. 8/AKTA/1002 Jld. 4;  
PU.Pk. 44/80(vi)]

SHahrul Azam Bin Shaari  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by paragraph 36(2)(a) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], the State Authority of Perak has appointed the persons named in the Schedule as members of the Perak Appeal Board for a period of 3 years with effect from the date of the notification is published in the *Gazette*.

## SCHEDULE

Encik Danial Rahman bin Yang Razali

Profesor Madya Mohamed Noor bin Mohid

Encik Tun Mohamad Ammar bin Aziz

Dated 24 October 2017

[JPBD.Pk. 8/AKTA/1002 Jld. 4;

PU.Pk. 44/80(vi)]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

**No. 3262.**

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA  
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SELAMA 2030

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Act 172*], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Perak telah memberi persetujuan pada 16 Oktober 2017 kepada:

Draf Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030.

2. Draf Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030 itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030 dan boleh diperiksa di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan dalam waktu pejabat mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

Bertarikh 2 November 2017

[JPBD.Pk. 10/RTD/1024 Jld. 3(10);

PU.Pk. 44/80(vi)]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE  
DRAFT OF SELAMA DISTRICT LOCAL PLAN 2030

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Act 1976 [*Act 172*], it is notified that the State Authority of Perak has given its assent on 16 October 2017 to the:

Draft of Selama District Local Plan 2030.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3264

[23hb Nov. 2017]

---

2. The Draft of Selama District Local Plan 2030 is now Identified as the Selama District Local Plan 2030 and may be inspected at the Department of Town and Planning Country Planning, Perak Darul Ridzuan during office hours from the date of this notification is published in the *Gazette*.

Dated 2 November 2017

[JPBD.Pk. 10/RTD/1024 Jld. 3(10);  
PU.Pk. 44/80(vi)]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

ENAKMEN LEMBAGA AIR PERAK 1988

PERAK WATER BOARD ENACTMENT 1988

**No. 3263.**

PELANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA AIR PERAK

APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE PERAK WATER BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(e) Enakmen Lembaga Air Perak 1988 [Pk. En. 12/88], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Y.B. Dato' Zainol Fadzi bin Haji Paharudin sebagai anggota Lembaga Air Perak bagi tempoh dua tahun mulai 1 September 2017 hingga 31 Ogos 2019.

In execise of the powers conferred by paragraph 3(2)(e) of the Perak Water Board Enactment 1988 [Pk. En. 12/88], the State Authority has appointed Y.B. Dato' Zainol Fadzi bin Haji Paharudin as member of the Perak Water Board for a period of two years with effect from 1 September 2017 until 31 August 2019

Bertarikh 1 November 2017

Dated 1 November 2017

[LAP(S) 1/91 SJ. 6(54); PU.Pk. 15/88 Bhg. III]

SHAHRUL AZAM BIN SHAARI  
*Setiausaha/Secretary*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 3264.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Basir bin Abdul Hadi, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 30 November 2017 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah Ipoh; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM80,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM213,261.79 (sehingga 31.7.2016) – Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM8,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Ribu sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan jika tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 30 Mac 2018 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—328064. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 22163. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan 348/2016.

Bertarikh 20 November 2017

[PTK(I) 700/7/2017-16]

(Lelongan 1)

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI  
*b.p. Pentadbir Tanah Kinta*  
*Ipoh*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA